

Presiden Guinea lawat Malaysia

UM 16 NOV 2001

KUALA LUMPUR 15 Nov — Presiden Republik Equatorial Guinea, Obiang Nguema Mbasogo dan isteri tiba hari ini untuk lawatan rasmi dua hari ke Malaysia.

Ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) disambut oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Mbasogo dan delegasinya kemudian bertolak ke Medan Parlimen untuk upacara sambutan rasmi negara.

Di Medan Parlimen, ketibaannya disambut oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nur Zahirah serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali.

Selepas memeriksa kawalan kehormatan, pemimpin dari Guinea itu kemudiannya diperkenalkan kepada menteri-menteri kabinet sebelum beredar ke hotel penginapannya.

Pada sebelah petang, Mbasogo mengadakan mesyuarat tertutup bersama Dr. Mahathir sebelum mengetuai delegasi negara masing-masing dalam mesyuarat delegasi.

Esok, Mbasogo dan delegasi Guinea itu akan dibawa melawat ke kilang Proton di Shah Alam dan Menara Berkembar Petronas di sini.

Selepas itu, Mbasogo akan mengadakan kunjungan perpisahan ke atas Sultan Mizan dan Dr. Mahathir sebelum berlepas ke Sibuan, Sarawak.